



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN AUDIT KUALITI DALAMAN SECARA MOD GABUNGAN (BERSEMUKA & JARAK JAUH) BAGI TAHUN 2020 SUSULAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN COVID-19

1.0 PENGENALAN

Garis panduan ini bertujuan menyelaraskan penambahbaikan kaedah pelaksanaan Audit Kualiti Dalaman bagi tahun 2020 iaitu secara bersemuka dan jarak jauh (dirujuk sebagai audit mod gabungan) susulan Perintah Kawalan Pergerakan Covid-19 (PKP) bermula 18 Mac 2020. Garis panduan ini juga menentukan proses bagaimana merancang, mengurus dan melaksanakan audit mod gabungan untuk mengesahkan keberkesanan pelaksanaannya secara berterusan, mengekalkan tahap keyakinan Wakil Pengurusan terhadap penilaian keberkesanan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti di setiap Pusat Tanggungjawab (PTj) serta untuk menyokong dan mengekalkan integriti semasa proses audit dijalankan.

2.0 UMUM

Garis panduan ini perlu dibaca bersama Prosedur Audit ISO Dalaman (KLT-03) bagi menilai keberkesanan pelaksanaan Sistem Pengurusan ISO Universiti. Objektif utama audit mod gabungan dilaksanakan adalah untuk mengurangkan interaksi di antara individu yang terlibat dengan audit sebagai langkah berjaga-jaga bagi mengekang penularan COVID-19 serta bertujuan mematuhi panduan penjarakan sosial dan prosedur operasi standard di tempat kerja seperti yang digariskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (rujuk *Annex 25* dan *26*) di dalam Garis Panduan Pengurusan COVID-19 Di Malaysia.

Aktiviti audit bersemuka di dalam audit mod gabungan adalah sama seperti kaedah konvensional di mana juruaudit akan mengaudit auditi secara bersemuka manakala aktiviti audit jarak jauh akan dilaksanakan menerusi media elektronik seperti internet

(Google Meet/Zoom/Webex/Microsoft Team/Whatsapp/Cloud Storage/email/etc.), telefon, CD, DVD, rakaman video dan lain-lain. Semakan dokumen tidak melibatkan interaksi bersemuka di antara juruaudit dan auditi dan dokumen-dokumen terlibat adalah berbentuk digital. Apabila menggunakan teknologi komunikasi dan maklumat untuk tujuan audit, keselamatan dan kerahsiaan maklumat elektronik atau maklumat yang dihantar secara elektronik tersebut perlu dititikberatkan di mana ia harus tertakluk kepada langkah dan peraturan keselamatan maklumat dan perlindungan data sedia ada.

3.0 PRINSIP UTAMA

- 3.1** Audit Kualiti Dalaman bagi tahun 2020 akan dilaksanakan secara integrasi di antara Audit Kualiti ISO dan Audit Akademik mengikut Prosedur Audit ISO Dalaman (KLT-03) sebagai rujukan utama dibantu oleh garis panduan pelaksanaan audit kualiti dalaman secara mod gabungan yang dibangunkan dengan mengambil kira faktor penjarakan sosial dan prosedur operasi standard di tempat kerja rentetan dari PKP.
- 3.2** Setiap aktiviti dan kaedah audit yang digunakan perlu direkodkan dan disimpan rapi bagi kegunaan audit pemantauan oleh SIRIM bagi tahun 2020.

4.0 PELAKSANAAN AUDIT KUALITI DALAMAN

Kaedah pelaksanaan Audit Kualiti Dalaman yang dijalankan semasa Perintah Kawalan Pergerakan ini mestilah memenuhi keperluan-keperluan seperti yang terdapat di dalam MS ISO 9002:2015.

4.1 Tempoh Pelaksanaan

- 4.1.1 Pelaksanaan Audit Kualiti Dalaman akan dijalankan selama empat (4) minggu dengan melibatkan semua PTj yang termasuk dalam skop audit.

4.2 Kaedah Pelaksanaan

Pelaksanaan audit mod gabungan diperincikan seperti dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Pelaksanaan terperinci audit mod gabungan

Bil.	Aktiviti Audit	Tanggungjawab	Kaedah
1.	Mesyuarat pembukaan audit dalaman universiti bersama Wakil Pengurusan.	Wakil Pengurusan, CAD, Ketua-ketua PTj & Ketua-ketua Kumpulan Audit ISO Dalaman	Bersemuka
2.	Mesyuarat di antara Ketua Kumpulan Audit dan Juruaudit ISO Dalaman. (Merangkumi tentatif audit, menentukan jenis dokumen dan rekod yang diperlukan, pembahagian tugas, dan menyediakan rancangan audit terperinci).	Kumpulan Audit ISO Dalaman	Bersemuka / Jarak jauh (telesidang)
3.	Menghantar memo makluman kepada Pengurus Bahagian dan Penyelaras Kualiti PTj untuk memaklumkan tarikh mesyuarat pembukaan audit di antara pasukan audit dan PTj.	Ketua Kumpulan Audit ISO Dalaman	Jarak jauh (platform media elektronik)
4.	Mengadakan mesyuarat pembukaan audit di antara kumpulan audit dan PTj serta taklimat mengenai rancangan audit terperinci yang menentukan jenis dokumen dan rekod yang diperlukan, menentukan auditi yang terlibat dan mengesahkan platform media elektronik yang akan digunakan.	Ketua Kumpulan Audit ISO Dalaman	Jarak jauh (telesidang)
5.	Menyediakan dokumen dan rekod yang diperlukan oleh juruaudit di dalam bilik/ruang yang dikhaskan bagi menjalankan aktiviti audit.	PTj	Bersemuka
6.	Untuk tujuan temuduga semasa audit dijalankan, PTj yang diaudit perlu memastikan: (i) staf yang dipilih sebagai auditi dapat diakses untuk tujuan temuduga, (ii) sambungan internet berjalan dengan lancar, dan (iii) persekitaran bilik/ruang sesuai untuk telesidang.	PTj	Jarak jauh (telesidang)

7.	Menjalankan audit dengan menyemak, mengenalpasti dan mengumpul dokumen dan rekod secara dalam talian serta di luar talian, menemuduga pihak-pihak berkenaan dan melawat secara langsung kawasan / lokasi yang diaudit bagi menilai keberkesanan pelaksanaan Sistem Pengurusan ISO.	Kumpulan Audit ISO Dalaman	Bersemuka & Jarak jauh (platform media elektronik)
8.	Melaksanakan audit mengikut rancangan audit dan pada akhir setiap hari (untuk audit lebih dari satu hari) akan diadakan sesi singkat untuk mengesahkan masalah yang dibangkitkan dari audit.	Kumpulan Audit ISO Dalaman	Bersemuka
9.	Pada hari terakhir audit, pasukan juruaudit akan menyediakan dan menyerahkan laporan awal penemuan yang merangkumi pemerhatian keseluruhan, cadangan penambahbaikan (OFI), dan ketidakpatuhan (NCR) untuk disemak di peringkat PTj.	Kumpulan Audit ISO Dalaman	Bersemuka
10.	Memohon pindaan untuk menggugurkan penemuan bagi cadangan penambahbaikan (OFI) dan ketidakpatuhan (NCR) yang ditemui dengan mengemukakan bukti-bukti baru kepada Ketua Juruaudit sebelum mesyuarat penutupan audit dijalankan untuk dipertimbangkan.	PTj	Jarak jauh (platform media elektronik)
11.	Mengadakan mesyuarat penutupan audit di antara PTj dan kumpulan audit untuk membentangkan penemuan audit muktamad dan menerbitkan laporan audit.	Kumpulan Audit ISO Dalaman dan PTj	Jarak jauh (telesidang)
12.	Pada akhir proses audit, Ketua Kumpulan Audit ISO Dalaman menyerahkan salinan Laporan Ringkas Audit (LRA) kepada Pengurus Bahagian untuk rujukan dan tindakan lanjut. LRA tersebut mengandungi item-item berikut: (i) Pemerhatian keseluruhan. (ii) Laporan Ketidapatuhan. (iii) Cadangan penambahbaikan.	Ketua Kumpulan Audit ISO Dalaman	Jarak jauh (platform media elektronik)
13.	Mesyuarat penutupan audit dalaman universiti bersama Wakil Pengurusan	Wakil Pengurusan, CAD, Ketua-ketua PTj & Ketua-ketua Kumpulan Audit ISO	Bersemuka

14.	Mengemukakan pelan tindakan pembedahan dalam tempoh yang diperlukan dan seterusnya menyerahkan semula borang Laporan Ringkas Audit (LRA) dan Laporan Ketidakpatuhan (LKP) yang bertandatangan kepada Ketua Kumpulan Audit ISO Dalam dalam masa yang ditetapkan.	Dalaman PTj	Jarak jauh (platform media elektronik)
-----	-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	----------------	----------------------------------------

4.3 Keselamatan maklumat

- 4.3.1 Semua pihak yang terlibat dalam Audit Kualiti Dalam hendaklah mengambil langkah keselamatan yang betul untuk menjaga dan melindungi semua maklumat sulit.
- 4.3.2 Pada akhir audit, segala dokumen, gambar, rakaman, dan lain-lain yang dikategorikan sebagai sulit hendaklah dihapuskan oleh pihak juruaudit.

Pusat Pembangunan dan Latihan Akademik (CAD)

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

19 Julai 2020